



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 30 APRIL 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	LANGKAH BANTU RAKYAT BUAT SIMPANAN BERAS, NASIONAL, BH-6	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	PESAWAH BELUM TERIMA INSENTIF, KERAJAAN PERLU PERJELAS KELEWATAN, NASIONAL, SH-22	
3.	BOT NELAYAN VIETNAM DITAHAN BABIT RAMPASAN RM1 JUTA, LOKAL, HM-12	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
4.	20 MINIT KEJAR KAPAL NELAYAN ASING, NEGERI, SH-24	
5.	BERAS MELAKA RM26 SEKAMPIT DIJUAL DI EMPAT LOKASI TERPILIH, NEGARA, KOSMO-14	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
6.	BERAS MELAKA RM26 SEKAMPIT, NEGERI, SH-25	
7.	JOHOR SETS THE STANDARDS WITH AGRICULTURE EXPORTS, NATION, THE STAR-10	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
8.	TAK SEMPAT MASUK SIAM, LOKAL, HM-3	
9.	CULTIVATING CHILDREN'S INTEREST IN AGRICULTURE VIA CHILI-PLANTING, EVENTS, THE STAR-9	LAIN-LAIN
10.	HEAVY RAIN HURTS SPRING ONION AND EGGPLANT CROP, NATION, THE STAR-10	
11.	BERAS PUTIH TEMPATAN KINI 'BERLAMBAK', NEGARA, KOSMO-6	
12.	DNA BABI DALAM PRODUK HALAL, AMARAN BAHARU INDUSTRI MAKANAN, RENCANA, BH-12	
13.	MANA INSENTIF KAMI?, NASIONAL, SH-22	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/4/2025	BERITA HARIAN	NASIONAL	6

Langkah bantu rakyat buat simpanan beras

Kuala Lumpur: Keputusan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan menaikkan had pembelian beras putih tempatan (BPT) 10 kilogram daripada dua kepada lima kampil bagi setiap transaksi disambut positif oleh pengguna.

Pengguna, Abdul Razak Mohamed, 59, berkata beliau mengetahui mengenai kelonggaran itu dan menyifatkannya sebagai langkah yang boleh membantu golongan memerlukan, terutama selagi harga beras masih dalam keadaan berpatutan.

"Pada pendapat saya, dua kampil pun sudah memadai, te-

tapi lima kampil membantu juga untuk yang benar-benar memerlukan.

"Kita tak tahu harga beras akan berubah di masa depan," katanya ketika ditemui di sebuah pasar raya di sini.

Beliau berkata, kelonggaran berkenaan sangat membantu keluarganya memenuhi keperluan harian memandangkan beras ialah makanan harian mereka.

Sementara itu, Amin Abu Bakar, 66, turut bersetuju langkah kerajaan memudahkan masyarakat membuat simpanan beras sangat bermanfaat.

"Bagus untuk rakyat. Tidak

Had beli BPT 10kg naik kepada 5 kampil



Keratan akhbar BH, semalam

perlu beli sedikit-sedikit dan jimat belanja untuk keluar rumah membeli, harga beras pun tidak menentu.

"Ahli keluarga saya ramai. Bila had dua kampil sahaja, susah untuk saya kerap keluar mem-

beli," katanya.

Beliau berkata, kelonggaran itu sedikit sebanyak memberi ruang kepada ketua isi rumah miskin menyesuaikan perbelanjaan bagi keperluan lain.

Bagi Raja Junaidah Raja Abd Rahim, 49, beliau pernah berdepan kesukaran mendapatkan stok beras akibat kekurangan bekalan di pasar raya berdekatan.

"Harga RM26 untuk 10 kilogram itu masih lagi berpatutan dan setakat ini bekalan beras mencukupi.

"Cuma saya harap ada pengawalan dan pemantauan harga

serta bekalan oleh pihak berkuasa," katanya.

Beliau turut mencadangkan supaya kerajaan memastikan pengeluaran, pemborong dan peruncit mematuhi program ditetapkan, di samping memajukan sumber daya pengeluaran beras tempatan.

Langkah menaikkan had pembelian ini diumumkan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan baru-baru ini selepas mengambil kira permintaan serta keperluan pengguna semasa, terutamanya dalam membantu golongan memerlukan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/4/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	22

Pesawah belum terima insentif, kerajaan perlu perjelas kelewatan

KODIANG - Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) diminta memperjelaskan status pembayaran insentif pembajakan dan penuaian kepada pesawah yang didakwa masih belum diterima sehingga kini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kota Siputeh, Mohd Ashraf Mustaqim Badrul Munir berkata, KPKM mengumumkan pelaksanaan insentif RM210 per hektar per musim pada 11 Jun tahun lalu, namun pesawah dan pembekal perkhidmatan membajak serta menuai di Kota Siputeh dan Jerlun memaklumkan belum menerima sebarang bayaran.

Berikutan itu, beliau yang juga

Koordinator Gerakan Melawan Penindasan Petani (GEMPITA) sudah menghantar surat rasmi bertarikh 6 April kepada Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu untuk mendapatkan penjelasan mengenai kelewatan ini.

"Saya belum menerima sebarang maklum balas berhubung surat berkenaan. Diharap KPKM serius bertindak menyelesaikan isu ini.

"Sejak pengumuman dibuat hampir setahun lalu, dua musim penanaman sudah berlalu dan kini memasuki musim



MOHD ASHRAF

ketiga, namun bayaran masih belum disalurkan," katanya.

Mohd Ashraf berkata, sebagai wakil rakyat yang majoritinya terdiri daripada pesawah, beliau menyambut baik inisiatif tersebut dalam membantu meringankan beban kos operasi dan menggalakkan daya saing sektor pertanian negara.

"Namun, kegagalan menyegerakan penyaluran insentif tersebut menimbulkan keresahan dalam kalangan pesawah yang bergantung kepada bantuan itu bagi memulakan musim penanaman.

"Fasa pertama jadual penanaman padi musim 2025 sudah bermula pada 16 April lalu dengan bekalan air mula disalurkan, namun isu berkaitan insentif masih belum selesai.

"Saya hanya menyuarakan kegusaran pesawah di lapangan dan mahu kerajaan ambil tindakan segera," katanya.

Tambah beliau, kementerian perlu memperjelaskan mekanisme semakan dan saluran pembayaran kepada penyedia perkhidmatan, selain menyatakan punca kelewatan dan langkah-langkah pemulihan diambil.

"Saya yakin kementerian komited menjaga kebajikan pesawah," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/4/2025	HARIAN METRO	LOKAL	12

Bot nelayan Vietnam ditahan babit rampasan RM1 juta

Pasir Puteh: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Kelantan berjaya menahan satu bot nelayan asing Vietnam bersama rampasan membabitkan nilai hampir RM1 juta, Ahad lalu.

Pengarahnya, Kepten Maritim Erwan Shah Soahdi berkata, tangkapan dibuat pada kedudukan lebih kurang 94 batu nautika dari muara Tok Bali.

Katanya, tangkapan dilakukan ketika rondaan di sempadan perairan Malaysia - Vietnam dalam Op Damai, Op Naga Barat dan Op Tiris.

"Vesel dikesan dalam keadaan mencurigakan pada jam 4.49 petang sebelum ditahan jam 5.09 petang.

"Selain vesel ditahan, tangkapan turut membabitkan rampasan kira-kira 5,000 kilogram hasil laut, peralatan navigasi dan komunikasi serta bekalan diesel 600 liter dengan anggaran hampir RM1 juta," katanya dalam kenyataan.

Erwan Shah berkata, awalnya nelayan asing itu tidak memberikan kerjasama dan cuba lari, namun kapal Maritim Malaysia memintas dengan melakukan *force boarding* untuk menghentikan bot itu.

Hasil pemeriksaan mendapati bot mempunyai tiga kru termasuk tekong yang disyaki warga Vietnam berumur 37 hingga 41 tahun.

"Pemeriksaan lanjut mendapati vesel yang ditahan adalah vesel nelayan asing Vietnam," katanya.

Bot itu disyaki melakukan aktiviti perikanan secara haram di perairan negara dan akan disiasat di bawah Seksyen 15(1)(a) Akta Perikanan 1985 kerana gagal mempamerkan sebarang dokumen kebenaran menangkap ikan di perairan Malaysia oleh Ketua Pengarah Perikanan Malaysia.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/4/2025	SINAR HARIAN	NEGERI	24

20 minit kejar kapal nelayan asing

Tindakan penguatkuasaan terpaksa dilakukan selepas kru kapal enggan beri kerjasama

Oleh HAZELN LIANA
KAMARUDIN
PASIR PUTEH

Tindakan kru kapal nelayan asing memecut cuba meninggalkan perairan negara sebaik menyedari kehadiran pihak berkuasa tidak berhasil apabila berjaya ditahan selepas dikesan mencero boh dan menjalankan aktiviti perikanan secara haram pada Ahad.

Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Kelantan, Kepten Maritim Erwan Shah Soahdi berkata, penahan-

an itu dibuat kira-kira 94 batu nautika dari Muara Tok Bali ketika kapal penguat kuasa menjalankan rondaan dalam Op Damai, Op Naga Barat dan Op Tiris.

"Kapal ini dikesan dalam keadaan mencurigakan pada jam 4.49 petang sebelum berjaya dipintas dan ditahan kira-kira 20 minit kemudian.

"Ketika didekati, kru kapal enggan memberi kerjasama dan cuba melarikan diri ke sempadan negara sebelum anggota melakukan tindakan *force boarding*," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Menurut Erwan, pemeriksaan mendapati terdapat tiga kru termasuk tekong dipercayai warga Vietnam berusia antara 37 hingga 41 tahun.

"Pihak kami berjaya merampas 5,000 kilogram hasil laut, peralatan navigasi, komunikasi dan bekalan 600 liter diesel de-



ERWAN



Kapal nelayan asing membawa 5,000 kilogram hasil laut, peralatan navigasi, komunikasi serta 600 liter diesel dengan anggaran keseluruhan hampir RM1 juta ditahan pada Ahad.

ngan anggaran nilai keseluruhan hampir RM1 juta.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 15(1)(a) Akta Perikanan 1985 kerana gagal mempamerkan sebarang dokumen kebenaran menangkap ikan di perairan Malaysia dan Seksyen 16(3) akta

sama kerana tidak memaklumkan laluan, lokasi dan destinasi kapal," katanya.

Menurut Erwan, ketiga-tiga kru juga disiasat mengikut Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 kerana gagal mengemukakan dokumen pe-

ngenan diri sah.

Dalam pada itu, Erwan berkata, proses membawa balik kapal nelayan asing ke Jeti Maritim Kelantan untuk siasatan dan tindakan lanjut mengambil masa 23 jam sebelum tiba di jeti jam 3.55 petang pada Isnin.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/4/2025	KOSMO	NEGARA	14



AB. RAUF (kiri) dan Dr. Akmal pada Majlis Pelancaran Beras Melaka di Ayer Keroh, Melaka semalam.

Beras Melaka RM26 sekampit dijual di empat lokasi terpilih

MELAKA - Sebanyak 4,000 kampil Beras Melaka mula dijual kepada rakyat negeri ini pada harga RM26 bagi 10 kilogram (kg).

Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Ab. Rauf Yusoh berkata, orang ramai boleh mendapatkan beras itu di empat lokasi iaitu pasar tani, Agrobazaar Kedai Rakyat, Program Jualan Agro Madani dan Program Wakil Rakyat Untuk Rakyat.

Katanya, keempat-empat lokasi itu dikendalikan oleh Lembaga Pemasaran Pertanian

Persekutuan (FAMA).

"Terdapat enam lokasi pasar tani iaitu di Alor Gajah, Masjid Tanah, Lubok China, Merlimau, Jasin dan Selandar. Sementara itu, terdapat 28 Agrobazaar Kedai Rakyat di seluruh Melaka.

"Lokasi jualan akan sentiasa dikemas kini bergantung kepada jadual aktiviti FAMA Melaka," katanya pada sidang akhbar Majlis Pelancaran Beras Melaka di Ayer Keroh di sini, semalam.

Sementara itu, Exco Kema-juan Desa, Pertanian dan Keterja-

minan Makanan negeri, Datuk Dr. Muhamad Akmal Saleh berkata, pembelian Beras Melaka dihadkan sekampit bagi satu keluarga.

Had pembelian itu dibuat sementara menunggu pengeluaran fasa kedua.

"Kita jangkakan pengeluaran beras fasa kedua meningkat sehingga lima kali ganda. Buat sementara waktu, kita hadkan pembelian sekampit. Beras ini dilarang dijual kepada warga asing dan pembeli diminta menunjukkan MyKad," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/4/2025	SINAR HARIAN	NEGERI	25

4,000 kampil akan dijual untuk permulaan di empat lokasi berbeza

Beras Melaka RM26 sekampil

Oleh NOR FARHANA YAACOB
MELAKA

Rakyat tempatan bakal menikmati Beras Melaka pada harga RM26 sekampil bagi setiap 10 kilogram (kg) yang akan dijual sebanyak 4,000 kampil pada peringkat permulaan.

Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Ab Rauf Yusoh berkata, jualan Beras Melaka boleh dibeli di empat lokasi berbeza iaitu pasar tani, Agrobazaar Kedai Rakyat, Program Jualan Agro Madanil dan Program Wakil Rakyat Untuk Rakyat (WRUR).

Menurutnya, kesemua lokasi berkenaan dikendalikan oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan akan sentiasa dikemas kini bergantung kepada jadual aktiviti

FAMA Melaka.

"Setakat ini ia boleh diperolehi di enam lokasi pasar tani iaitu Alor Gajah, Masjid Tanah, Lubok Cina, Merlimau, Jasin dan Selandar. Beras Melaka juga boleh didapati di 28 Agrobazaar Kedai Rakyat di seluruh Melaka," katanya.

Beliau berkata demikian ketika sidang akhbar Majlis Pelancaran Beras Melaka yang turut dihadiri Exco Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan Melaka, Datuk Dr Muhammad Akmal Saleh di Seri Negeri, Ayer Keroh di sini pada Selasa.

Sementara itu, Muhammad Akmal berkata, pembelian dihadkan sekampil untuk satu keluarga dan syarat itu hanya sementara menunggu pengeluaran beras fasa kedua.



Ab Rauf (kiri) dan Muhammad Akmal menunjukkan Beras Melaka ketika sidang akhbar Majlis Pelancaran Beras Melaka di Seri Negeri, Ayer Keroh pada Selasa.

Ujar beliau, pengeluaran beras fasa kedua dijangka meningkat hingga lima kali ganda. "Buat sementara waktu kita

hadtan pembelian sekampil Beras Melaka bagi satu keluarga dan dilarang dijual kepada warga asing," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/4/2025	THE STAR	NATION	10

Johor sets the standards with agricultural exports

By MOHD FARHAAN SHAH
farhaan@thestar.com.my

JOHOR BARU: The southern state has cemented its status as Malaysia's largest agricultural exporter, with more than 70% of products worth RM23.96bil supplied between 2023 and 2024, says exco Datuk Zahari Sarip.

The state agriculture, agro-based industry and rural development committee chairman said this was according to figures released by the Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis).

He said the export volume represented 6.8 million tonnes of agricultural products shipped through eight checkpoints across the state, making Johor the clear leader in agricultural trade.

"The Sultan Abu Bakar Complex (KSAB) in Iskandar Puteri contributed the lion's share of this achievement, handling RM10.3bil worth of agricultural exports, equivalent to 3.49 million tonnes

"Johor's strategic location near major regional markets ... has been a major factor ... with routes also extending further to China and the Middle East,"

Datuk Zahari Sarip

of goods.

"Johor's strategic location near major regional markets such as Singapore and Indonesia has been a major factor behind its export success, with routes also extending further to China and the Middle East," he said.

Zahari added that the state's performance reflected its geographical advantage and strong agricultural production base.

"Our export strength is not just due to our proximity to international markets but is also support-

ed by world class port facilities and Johor's standing as Malaysia's top producer of fruits, vegetables and livestock products," he said.

He also said the state government was committed to further strengthening the sector by introducing new initiatives aimed at enhancing productivity and expanding export opportunities for local farmers and agro-entrepreneurs.

"I can assure you that we will fully leverage Johor's natural advantages to empower our agri-

cultural sector and contribute more significantly to the nation's economy," he added.

Zahari also said that he recently joined an agricultural export operation at the KSAB checkpoint, carried out by the Federal Agricultural Marketing Authority and Maqis.

He added that through the operation, he was able to witness firsthand the inspection and documentation processes conducted at the checkpoint to ensure agricultural products meet international export standards.

"Maqis plays a crucial role in overseeing quarantine, inspection and enforcement procedures at entry and exit points, quarantine stations and certified premises nationwide.

"Their responsibilities cover the import and export of plants, animals, carcasses, fish, agricultural produce, soil and microorganisms, in addition to enforcement related to food safety regulations," he said.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/4/2025	HARIAN METRO	LOKAL	3



SHAHRUM (dua dari kanan) menunjukkan bahagian kaki dan hati ayam sejuk beku yang cuba diseludup ke Thailand di sebuah gudang tinggal di Kawasan Perindustrian Padang Besar.

Oleh Aizat Sharif
am@hmetro.com.my

Padang Besar

Tak sempat masuk Siam

31,200kg kaki, hati ayam sejuk beku RM1.8 juta dirampas dipercayai untuk diseludup ke negara jiran

Pasukan Gerakan Am (PGA) Briged Utara merampas 31,200 kilogram (kg) kaki dan hati ayam sejuk beku bernilai lebih RM1.8 juta yang dipercayai untuk diseludup ke negara jiran selepas menyebu sebuah gudang tinggal di sini kelmarin.

Dalam serbuan Batalion 1 PGA Ulu Kinta, Perak pada jam 7 petang itu turut menahan dua lelaki warga Thailand berusia 22 dan 34 tahun yang dipercayai bertindak sebagai penjaga gudang berkenaan yang terletak di Kawasan Perindustrian Padang Besar berhampiran Jalan Kanger-Padang Besar.

Komander PGA Briged Utara, Senior Asisten Komisioner Shahrums Hashim berkata, serbuan susulan risikan terhadap kegiatan berkenaan sejak dua minggu lalu.

“Sebelum serbuan, kita melakukan pemerhatian di lokasi kejadian dan mendapati dua trak pikap bernombor pendaftaran Thailand memasuki gudang berkenaan.

“Ketika serbuan, dua suspek yang ditahan sedang memasukkan ayam sejuk beku ke trak pikap berkenaan dan pemeriksaan mendapati ada ubi kentang seberat 1,400 kg dan kaki ayam sejuk beku seberat 5,200 kg.

“Pemeriksaan selanjutnya di gudang itu kemudian menjumpai lima kontena mengandungi kaki dan hati ayam sejuk beku dianggarkan berat sebanyak 41,200 kg,” katanya kepada pemberita di lokasi serbuan semalam.

Katanya, semakan mendapati kaki dan hati ayam sejuk beku itu tidak mempunyai kelulusan sijil kesihatan veterinar di bawah Seksyen 13

Akta Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) sebagai syarat untuk dieksport ke negara jiran.

“Dalam masa yang sama juga, kedua-dua suspek ini turut didapati tidak mempunyai permit pekerjaan yang sah yang boleh diasias mengikut Peraturan-Peraturan Imigresen,” katanya.

Semua rampasan termasuk kenderaan dan jentera dianggarkan bernilai RM1.893 juta dan kedua-dua suspek diserahkan kepada polis untuk tindakan lanjut.

“Dua suspek ditahan sedang memasukkan ayam sejuk beku ke trak pikap”
Shahrums

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/4/2025	THE STAR	NATION	10

Heavy rain hurts spring onion and eggplant crop

IPOH: The frequent heavy rains have affected the production of spring onions and eggplants in Cameron Highlands, causing shortages and price hikes.

"There is a 50% reduction in the production of both these vegetables," said Cameron Highlands Agriculture Entrepreneurs Association chairman Cheng Nam Hong.

"The farm prices for spring onions at the moment are between RM8 and RM10 per kilo. When it reaches the markets, it is probably sold for RM15 or more.

"For eggplants, the farm price is between RM4 and RM5 per kilo, while the market price is about RM8 now," he said.

Due to the persistent heavy rains, especially in the evenings, he said the amount of rainfall is impacting these two crops.

The weather has been unpredictable since the month began.

Cheng said that both vegetables are mainly planted outdoors.

Spring onions in particular are known for their delicate roots, making the plant vulnerable.

"When it rains, excessive moisture in the soil causes root rot and yellowing leaves, making it difficult for the plants to mature properly," he noted.

Cheng said eggplant growers are struggling amid the constant rain, which caused fungal infections, leading to a lower yield.

"However, production of other leafy vegetables, tomatoes and cabbage are not affected as these are mainly planted in greenhouses. So, the impact from the weather has been minimal."

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/4/2025	THE STAR	EVENTS	9

Cultivating children's interest in agriculture via chilli-planting

TO BOOST social and educational development among young schoolchildren, a plantation and healthcare group organised a corporate social responsibility (CSR) event in Terengganu.

The "Ceria ke Sekolah" initiative was organised by TDM Bhd for pupils of SK Kampung Fikri in Sungai Tong, Setiu.

The event was also designed to strengthen ties between the company and the local community, the company said in a press statement.

"We choose SK Kampung Fikri because it is one of our plantation-area schools with the highest number of pupils," said TDM group chief executive officer Najman Kamaruddin.

He said there were 122 pupils from Year 1 to Year 6 registered at the school.

In addition to group activities and distribution of gifts to the pupils, the event featured a chilli-planting activity.

Alongside TDM's management team and school headmaster Mazlan Che Ismail, the pupils learned about chilli planting, with the hope of fostering their



TDM management and event committee members in a group photo with teachers and pupils of SK Kampung Fikri at the chilli-planting area.

interest in agriculture, the statement said.

"As a responsible company, we focus not just on business growth but also on supporting education and promoting community well-being.

"This programme allows us to better understand the needs of the communities in which we operate," said Najman.

The CSR initiative was carried out in collaboration with TDM Agrobiz Sdn Bhd, a TDM subsidi-

ary involved in agribusiness.

TDM said as a company focused on sustainable development, this CSR initiative aligned with the United Nations Sustainable Development Goal 4: Quality Education.

This goal ensures students have access to quality education and basic school supplies.

TDM said it planned to carry out more CSR programmes for local communities to support societal welfare.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/4/2025	KOSMO	NEGARA	6

Beras putih tempatan kini 'berlambak'

- Ramai yang ambil kesempatan beli borong buat stok
- Perniagaan kembali rancak kerana dikunjungi pelanggan

Oleh MOHD. SHARKAWI LONDING, MUHAMMAD ZIKRI, OTHMAN YAHAYA dan MEGAT LUTFI MEGAT RAHIM

PETALING JAYA – Pengguna kini boleh menarik nafas lega selepas bekalan beras putih tempatan (BPT) boleh diperolehi di mana-mana premis termasuk pasar raya di seluruh negara selepas 3.16 juta kampakit beras 10 kilogram (kg) diagihkan melalui lebih 47,000 premis runcit berdaftar di seluruh negara.

Mereka juga tidak perlu lagi mencari beras tersebut dari satu kedai ke satu kedai lain kerana sebelum ini bahan asas itu sukar didapati.

Di **Johor Bahru**, Johor, tinjauan di beberapa pasar raya di sekitar bandar raya itu mendapati, bekalan BPT sudah dipamerkan dalam kuantiti yang banyak.

Seorang suri rumah, Siti Noor Asiah Muda, 36, berkata, dia



SEORANG pelanggan menunjukkan beras tempatan yang banyak dijual di sebuah pasar raya di Pontian semalam.

bersyukur kerana bekalan beras sudah banyak dan dia boleh membelinya pada harga rendah berbanding terpaksa menggunakan beras putih import sebelum ini.

Lagipun katanya, kerajaan membenarkan pengguna membeli hingga lima kampakit beras tempatan 10kg berbanding satu kampakit sebelum ini.

"Saya berbincang dengan suami untuk membeli tiga kampakit untuk bulan ini sebagai stok," katanya ketika ditemui di sebuah pasar raya di Taman Suria semalam.

Dalam pada itu, di **Sungai Petani**, Kedah, seorang peniaga kedai runcit di Taman Kelisa Ria yang mahu dikenali sebagai Baba berkata, perniagaannya kem-

bali rancak selepas bekalan BPT boleh didapati dengan mudah pada masa ini.

"Kalau dulu pelanggan datang ke kedai sekadar bertanya saya menjual BPT bersubsidi atau tidak sebelum mereka membeli barang keperluan lain.

"Tetapi sekarang selepas bekalan BPT mudah diperolehi, pelanggan banyak berbelanja di

kedai saya dan tidak lagi perlu ke pasar raya besar yang secara langsung turut menambah pendapatan peniaga di pinggir bandar seperti saya," katanya.

Bagi suri rumah, Haslinda Arshad, 47, dari Projek Perumahan Rakyat (PPR) Paya Nahu berkata, dia bersyukur kerana bekalan 'beras murah' telah mudah diperolehi berbanding sebelum ini.

"Saya yang bekerja sebagai pembantu kedai dengan pendapatan tak seberapa boleh menarik nafas lega.

"Ini kerana tidak perlu bimbang lagi berkaitan kos sara hidup yang tinggi apabila boleh membeli beras murah untuk dimakan oleh ahli keluarga seramai tujuh orang," katanya.

Di **Ipoh**, Perak, beberapa pengguna yang ditemui menyifatkan bekalan BPT yang semakin mudah diperolehi di pasaran ketika ini boleh menjimatkan perbelanjaan harian mereka.

Seorang suri rumah, Adilah Wahab, 35, berkata, dia amat bersyukur kerana bekalan BPT sudah ada di pasaran semula.

"Dapatlah menjimatkan wang berbanding dahulu kerana harga beras import mahal, sekitar RM35 hingga RM40.

"Keluarga saya ramai, ada enam orang semuanya dan anak-anak pun semakin membesar," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/4/2025	BERITA HARIAN	RENCANA	12

DNA babi dalam produk halal, amaran baharu industri makanan

• Peringatan penting kepada semua pihak, pengguna, pengilang dan badan pensijilan mengenai keperluan membina ekosistem halal yang telus, saintifik serta bersepadu

• Cabaran halal bukan sekadar soal label, tetapi juga berkait rapat dengan isu pematuhan, kebolehkasan dan penggunaan teknologi analitik seperti ujian DNA



Felo Penyelidik Institut Pengurusan Halal (IHIM), Universiti Utara Malaysia (UUM)

Oleh Prof Madya Dr Syarifah Md Yusof
bhrencana@bh.com.my

Baru-baru ini, pengguna Muslim sekali lagi dikejutkan dengan penemuan DNA babi dalam sembilan produk makanan yang sebahagiannya dipersijilkan halal di Indonesia.

Badan Penyelenggara Jaminan Produk Halal (BPJPH) bersama Badan Pengawas Obat dan Makanan (BPOM) Indonesia mengesahkan 11 batch daripada sembilan produk berkenaan mengandungi unsur *porcine* atau babi.

Daripada jumlah itu, tujuh produk memiliki sijil halal, manakala dua lagi tidak. Sebahagian besar produk berkenaan dikilangkan di China dan Filipina, kebanyakannya *marshmallow* serta satu produk gelatin dalam bentuk serbuk.

Insiden ini mencetuskan kebingungan pengguna Muslim, bukan sahaja di Indonesia, bahkan negara jiran, termasuk Malaysia kerana menyentuh terus isu kepercayaan terhadap integriti sistem pensijilan halal dan keselamatan makanan.

Gelatin ialah bahan semula jadi dihasilkan daripada kolagen haiwan, lazimnya diperolehi daripada kulit, tulang dan ligamen lembu serta babi. Tiada gelatin terhasil secara sintetik, sebaliknya memerlukan proses hidrolisis terhadap rantai panjang kolagen.

Secara komersial, kulit babi menyumbang sekitar 46 peratus pengeluaran gelatin dunia, diikuti kulit lembu (29.4 peratus) dan rangka haiwan seperti tulang serta kuku yang dinyahmineral (23.1 peratus).

Gelatin penting dalam industri makanan kerana menjadi agen penstabil dalam produk daging seperti sos, pemekat dalam makanan bersos, pelembut dalam produk bakeri dan aiskrim serta pembentuk struktur dalam *marshmallow*, jeli dan yogurt. Namun, status halal gelatin sangat bergantung kepada sumber dan cara penembelian haiwan berkenaan.

Menurut hukum Islam, gelatin dianggap haram jika berasal daripada babi atau haiwan tidak disembelih, seperti diputuskan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan dan Majlis al-Majma' al-Fiqhi al-Islami, Rabithah al-'Alam al-Islami.

Kedua-duanya sepakat bahawa penggunaan gelatin hanya harus jika berasal daripada sumber halal dan disembelih secara syarie.

Namun, Majlis Fatwa Eropah menganggap gelatin daripada sumber haram seperti babi boleh menjadi halal sekiranya melalui proses kimia istihlah yang mengubah sifat asalnya secara menyeluruh, tetapi pendekatan ini tidak diterima secara meluas dalam konteks fatwa Malaysia.

Laman web rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan dan Mufti Pulau Pinang turut menjelaskan pencemaran DNA babi dalam produk halal boleh ditanggap melalui konsep *fiqh* Umum al-Balwa, iaitu keadaan darurat sukar dielakkan.

Jika pencemaran berlaku selepas produk selesai diproses dan dipasarkan, ia dikategorikan luar kawalan serta produk masih dianggap halal. Namun, jika DNA babi dikesan dalam bahan men-

tah atau semasa proses pengilangan, maka status halalnya terbatal kerana gagal menepati prinsip asas penyediaan produk halal.

Seruan Jaksima penjenkitan

Dalam kes terbaharu di Indonesia, sekiranya kontaminasi berlaku sebelum produk dikeluarkan dari kilang, maka tindakan penarikan balik adalah wajar dan perlu disusuli siasatan menyeluruh.

Badan pensijilan dan syarikat pengeluar perlu segera melaksanakan penjejakan atau kebolehkasan produk untuk mengenal pasti titik kelemahan dalam rantai pengeluaran.

Insiden ini wajar menjadi iktibar kepada semua pihak, terutama pengeluar dan pengelola pensijilan halal. Syarikat mesti melaksanakan Sistem Jaminan Halal secara berkesinambungan, bermula pemilihan bahan mentah yang benar-benar halal dan bebas daripada bahan berisiko tinggi. Gelatin sebagai ramuan kritikal, wajib melalui saringan ketat, termasuk ujian makmal DNA untuk mengesan sebarang unsur babi.

Di negara ini, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) menetapkan produk mengandungi kolagen dan gelatin perlu mengemukakan dokumen teknikal lengkap semasa permohonan pensijilan halal.

Ini termasuk spesifikasi produk, lembaran data keselamatan (MSDS) atau dokumen teknikal lain yang mengesahkan sumber asal bahan berkenaan.

“Malaysia dan negara Islam lain perlu mengambil inisiatif untuk menyokong pengkomersialan gelatin halal tempatan yang bebas daripada unsur haram”

Tambahan kepada sijil halal, laporan ujian makmal DNA juga diperlukan untuk memastikan tiada pencemaran silang dengan unsur haram berlaku.

Walaupun ujian makmal mungkin membabitkan kos dan masa yang tinggi, ia adalah pelaburan penting demi menjamin ketelusan, kredibiliti serta keyakinan pengguna terhadap status halal produk makanan.

Sebagai alternatif, gelatin boleh diperolehi daripada sumber haiwan disembelih mengikut hukum syarak seperti ayam, lembu dan kambing atau daripada ikan.

Malah, sisa ternakan unggas seperti kaki dan tulang ayam semakin mendapat perhatian sebagai sumber kolagen yang selamat serta halal. Namun, penggunaan darah sebagai sumber kolagen menimbulkan kebingungan kerana darah adalah najis menurut hukum syarak.

Penyelidikan terhadap sumber gelatin daripada ikan air tawar dan laut masih giat dijalankan. Ini membuka peluang baharu untuk memperluaskan pasaran gelatin halal yang benar-benar diyakini.

Malaysia dan negara Islam lain perlu mengambill inisiatif untuk menyokong pengkomersialan gelatin halal tempatan yang bebas daripada unsur haram dan risiko kesihatan seperti penyakiti lembu gila.

Penemuan DNA babi dalam produk yang dipersijilkan halal adalah satu peringatan penting kepada semua pihak, pengguna, pengilang dan badan pensijilan mengenai keperluan membina ekosistem halal yang telus, saintifik serta bersepadu.

Dalam dunia globalisasi makanan, cabaran halal bukan sekadar soal label, tetapi juga berkait rapat dengan isu pematuhan, kebolehkasan dan penggunaan teknologi analitik seperti ujian DNA.

Sudah tiba masanya pihak pengeluar perlu lebih serius dalam pengeluaran produk dan memastikan integriti produk yang dihasilkan. Produk halal mesti benar-benar halal - dari ladang hingga ke meja.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/4/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	22



Pesawah berharap insentif dijanjikan dapat ditunaikan segera.

Mana insentif kami?

Golongan pesawah masih menanti pembayaran insentif pembajakan dan penuaian berjumlah RM210 per hektar seperti dijanjikan kerajaan hampir setahun lalu.

Sejak pengumuman dibuat pada 11 Jun tahun lalu, pembayaran masih belum dilaksanakan, sekali gus menambah tekanan kepada pesawah yang sudah lama berdepan kenaikan kos operasi.

Penarikan subsidi diesel menyebabkan kos penggunaan jentera padi melonjak.

Harga benih padi sah (BPS) pula

meningkat daripada RM35 kepada RM55 sekampit 20 kilogram dalam tempoh empat tahun.

Pelbagai insentif diperkenalkan kerajaan untuk bantu pesawah, namun kegagalan menyalurkan bantuan tepat pada masanya menjejaskan matlamat itu berikutan suasana kos pertanian yang semakin menghimpit.

Ikuti laporan wartawan *Sinar Harian*, ROSLINDA HASHIM bertemu wakil pesawah di Megat Dewa, Kodiang bagi menyingkap keluhan golongan petani termasuk pembajak jentera tani.

KODIANG - Pesawah berharap kerajaan dapat mempercepatkan proses pembayaran insentif yang telah lama dinantikan demi kelangsungan hidup dan meningkatkan sektor padi negara.

Sejak pengumuman dibuat, pesawah sudah melepasi dua musim penanaman dan akan memasuki musim ketiga, namun apa dijanjikan masih belum tertunai.

Muhammad Rafirdaus Abu Bakar, 48, berkata kelewatan pembayaran insentif menjejaskan kos operasi yang kini mengalami peningkatan, terutama selepas penarikan subsidi diesel.

"Kerajaan umumkan mengenai insentif pembajakan dinaikkan daripada RM100 kepada RM160 per hektar dan insentif penuaian RM50 per hektar. Sepatutnya kami terima bantuan tunai berjumlah RM210 per hektar setiap musim, tetapi hingga kini masih belum ada bayaran," katanya ketika ditemui, baru-baru ini.

Muhammad Rafirdaus berkata, insentif itu penting bagi membantu pesawah menampung kos operasi semakin meningkat, terutama apabila hasil padi turut terjejas akibat faktor cuaca dan persekitaran.

"Kalau dahulu harga belian padi lebih tinggi, kini walaupun ada kenaikan harga lantai, ia tidak dapat menampung kos diesel yang naik mendadak," ujarinya.

Tambahnya, sepatutnya insentif itu disalurkan pada April kerana berkait dengan musim penanaman pertama 2025, namun sehingga kini masih tiada.

"Bancian sudah dibuat di semua Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan jika kelewatan ini berlarutan, kami akan terus menanggung beban," katanya.

Tambahnya, pembayaran insentif berkenaan lazimnya dibuat melalui baucar kepada pengusaha jentuai atau traktor, namun ramai pengusaha mengadu masih belum menerima bayaran.

"Kalau bendang banyak, kerugian lagi

besar. Ramai pesawah bertahan kerana ini kerjaya tradisi keluarga tetapi dengan hutang dan kos menekan, kehidupan kami semakin sukar," katanya.

Menurutnya, kerajaan perlu lebih serius menangani isu kebajikan pesawah bagi memastikan sasaran Tahap Sara Diri (SSL) padi negara dapat dicapai.

Seorang lagi pesawah, Ahmad Effendy Mat, 38, berharap, kerajaan mempercepatkan proses tuntutan insentif pembajakan dan menyalurkan subsidi secara terus berikutan kos operasi pertanian semakin tinggi.

Menurutnya, tiada tempoh masa khusus ditetapkan bagi pembayaran tuntutan berkenaan menyebabkan ada berlanjutan sehingga enam bulan untuk diluluskan.

"Apabila kos pembajakan ditolak daripada tuan tanah tetapi bayaran tuntutan belum diterima, ini jeaskan aliran tunai kami," katanya.

Ahmad Effendy turut mencadangkan kerajaan salurkan subsidi diesel secara terus memandangkan hampir 98 peratus tanaman padi menggunakan bahan api itu.

"Kami harap diberikan subsidi diesel secara terus atau bantuan khas untuk

penggunaan jentera pertanian," katanya.

Ahmad Effendy turut mencadangkan penubuhan bahagian aduan khas untuk mengendalikan laporan berkaitan kualiti jentera menuai.

"Ada jentera menuai uzur dan tidak sesuai menyebabkan padi tumpah dan hasil berkurangan. Ini satu pembaziran, diharap Kementerian pantau selenggara jentera tuai termasuk daftarkan ia bawah PPK bagi memastikan hanya mesin yang baik layak digunakan," katanya.

Sementara itu, Muhammad Syukur Mustafa, 41, merayu kerajaan mempercepatkan penyaluran insentif pertanian selain mengembalikan subsidi diesel yang sebelum ini banyak membantu menampung kos operasi.

"Kami makin tertekan dengan kenaikan pelbagai kos terutama harga diesel yang menjadi keperluan utama penggunaan jentera seperti traktor, kubota dan pam air walaupun kubota dan pam air tidak layak menerima subsidi, jadi kami terpaksa serap sendiri kos," katanya.

Menurutnya, kerajaan disarankan memperluaskan Skim Budi Madani atau salurkan terus subsidi tersebut kepada pemilik sah jentera pertanian melalui rekod tersedia di PPK tanpa melalui proses birokrasi yang melambatkan bantuan kepada penerima layak.



MUHAMMAD RAFIRDAUS



AHMAD EFFENDY



MUHAMMAD SYUKUR